

## Hubungan antara Kompetensi Pengurusan Keusahawanan dengan Niat Inovatif Memulakan Perniagaan dalam Kalangan Pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

### *The Relationship Between Entrepreneurial Management Competence and Innovative Intention to Start a Business Among Students at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

Nur Anis Allisya Afandi<sup>1</sup>, Anim Zalina Azizan<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [animz@uthm.edu.my](mailto:animz@uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2024.05.01.038>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 31 Mac 2024  
Diterima: 30 April 2024  
Diterbitkan: 30 Jun 2024

#### Kata Kunci

Kompetensi pengurusan  
keusahawanan, niat inovatif,  
kemahiran berkomunikasi,  
kemahiran membina rangkaian,  
kecekapan kreativiti dan inovatif

#### Abstrak

Dalam ekonomi kini, pelajar yang ingin menceburi bidang keusahawanan haruslah mempunyai dua perkara yang paling penting iaitu kemahiran pengurusan usahawan dan keinginan untuk memulakan perniagaan dengan cara yang inovatif. Salah satu cara untuk meningkatkan niat inovatif memulakan perniagaan adalah kemahiran berkomunikasi yang ada pada seseorang individu. Kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kompetensi pengurusan keusahawanan yang mencetuskan idea inovatif memulakan perniagaan. Seterusnya, kajian ini juga untuk mengkaji tahap niat inovatif memulakan perniagaan serta untuk mengkaji hubungan antara kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kajian ini akan menggunakan borang soal selidik yang berbentuk Google Form. Seramai 375 orang pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melengkapkan borang soal selidik melalui aplikasi WhatsApp dan Telegram. Data kajian ini telah dianalisis menggunakan Statistical Packages for Social Sciences (SPSS). Aplikasi SPSS juga digunakan untuk memperoleh analisis deskriptif dan analisis korelasi. Analisis deskriptif digunakan untuk menentukan nilai purata dan sisihan piawai. Analisis korelasi pula adalah untuk menentukan normaliti data kajian ini menggunakan dua kaedah kajian iaitu secara visual dan statistik. Akhir sekali, hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan kompetensi pengurusan keusahawanan dengan niat inovatif memulakan perniagaan di kalangan pelajar UTHM.

---

**Keywords**

*Entrepreneurial management competence, innovative intention, communication skills, network building competency, creativity and innovativeness*

**Abstract**

*In today's economy, students who want to venture into the field of entrepreneurship must have two of the most important things, which are entrepreneurial management skills and the desire to start a business in an innovative way. One of the ways to increase the innovative intention of starting a business is the communication skills that an individual has. This study is to examine the level of entrepreneurial management competence that triggers innovative ideas to start a business. Next, this study is also to examine the level of innovative intention to start a business as well as to examine the relationship between entrepreneurial management competence and innovative intention to start a business among students at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). This study will use a questionnaire in the form of a Google Form. A total of 375 UTHM students completed the questionnaire which was distributed via WhatsApp and Telegram applications. The data of this study will be analyzed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS). SPSS application was also used to obtain descriptive analysis and correlation analysis. Descriptive analysis was used to determine mean values and standard deviations. Correlation analysis is to determine the normality of the data of this study using two research methods, namely visually and statistically. Finally, the results of the study found that there is a significant relationship between entrepreneurial management competence and the innovative intention to start a business among UTHM students.*

---

## 1. Pengenalan Kajian

Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian berkaitan kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat inovatif memulakan perniagaan. Dalam bab ini juga, pengkaji akan menyatakan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, dan skop kajian secara ringkas berkaitan kajian ini. Selepas itu, kesimpulan akan dibuat berdasarkan maklumat yang diperoleh.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, bidang keusahawanan bukan lagi menjadi suatu bidang yang baru atau asing bagi masyarakatnya kerana ramai rakyat sudah menceburkan diri dalam bidang ini. Pembangunan sektor keusahawanan telah menjadi satu perkara penting untuk sesebuah negara pada ketika ini. Keusahawanan mempunyai keupayaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, mewujudkan pekerjaan baru, dan seterusnya memainkan peranan penting dalam mengubah ekonomi negara maju. Bukan itu sahaja, keusahawanan juga boleh menjadi satu bidang atau sumber pekerjaan yang amat penting bagi sesebuah negara untuk menghakis budaya makan gaji dan pengangguran dalam kalangan rakyatnya (Maliki, 2016).

Mempromosikan keusahawanan dan niat memulakan perniagaan merupakan salah satu faktor kritikal yang bukan sahaja menjadi kepentingan untuk pertumbuhan ekonomi malah menjadi penyumbang kepada penyesuaian pengetahuan dan teknologi baharu ke dalam ekonomi sesebuah negara (Zarefard, 2017). Oleh itu, pihak universiti haruslah memainkan peranan penting dalam membantu negara dengan mempromosikan bidang keusahawanan secara meluas kepada pelajar yang mempunyai niat dalam memulakan perniagaan. Kajian ini tertumpu kepada kompetensi pengurusan keusahawanan yang jarang dibahaskan secara mendalam yang sekaligus mempengaruhi niat permulaan inovatif dan hal ini boleh menyebabkan pelajar kurang pengetahuan tentang kompetensi pengurusan keusahawanan sekiranya ingin memulakan perniagaan mereka. Secara khususnya, hubungan antara kecekapan pengurusan keusahawanan adalah seperti kecekapan membina rangkaian, kemahiran komunikasi, kreativiti dan inovasi serta niat memulakan inovasi akan dikaji.

Dalam ekonomi global baharu, kompetensi pengurusan usahawan dan niat permulaan inovatif telah menjadi isu utama bagi para pelajar yang mahu menceburi bidang keusahawanan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggabungkan konsep "kompetensi keusahawanan" dan "pengurusan kompetensi" untuk mewujudkan konsep "kompetensi pengurusan keusahawanan". Kompetensi keusahawanan mempunyai telah dikenal pasti sebagai keupayaan tahap yang lebih tinggi yang boleh dipromosikan melalui pendidikan dan merangkumi kemahiran, pengetahuan dan kebolehan yang diperlukan untuk melaksanakan peranan yang inovatif dengan jayanya (Kyndt & Baert, 2015).

Selain itu, kemampuan seseorang untuk melakukan perkara yang berkaitan dengan keusahawanan dikenali sebagai kompetensi keusahawanan (Syuhada *et al.*, 2015). Kompetensi keusahawanan boleh didapati melalui

amalan ataupun tingkah laku yang terhasil daripada pengaruh nilai murni hidup seseorang, serta desakan dalaman yang ada pada diri seseorang untuk melakukan tugas dengan lebih cemerlang. Dengan menjadi usahawan, seseorang akan mempunyai kebolehan dan kecekapan yang lebih daripada orang lain yang mempunyai kelulusan dan pengetahuan yang sama. Selain itu, kecekapan pengurusan ditakrifkan sebagai ciri-ciri yang berkaitan dengan prestasi kerja yang unggul, memandangkan prestasi seseorang individu dinilai dari segi tindakan atau tanda tingkah laku tertentu (Chong, 2013).

Akhir sekali, inovatif memulakan perniagaan, yang ditakrifkan sebagai perniagaan baharu yang memperkenalkan kepentingan produk, perkhidmatan, atau proses inovatif ke dalam pasaran yang mempunyai kepentingan tertentu yang boleh menjana dorongan untuk pembangunan ekonomi (Fritsch & Aamoucke, 2017). Semenjak universiti dan institusi pendidikan tinggi diharapkan dapat meningkatkan niat permulaan inovatif dalam kalangan pelajar universiti, mereka dijangka boleh memberi kesan yang signifikan terhadap pembangunan niat permulaan yang inovatif (Zarefard, 2018). Hubungan antara kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat permulaan inovatif telah menjadi antara topik yang diminati dalam sains sosial, terutamanya berkaitan dengan penyelidikan pendidikan. Niat dan faktor motivasi juga akan mempengaruhi tingkah laku seseorang individu dalam usaha untuk mempraktikkan hubungan antara kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat permulaan inovatif.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Niat inovatif memulakan perniagaan mempunyai beberapa faktor yang boleh mendorong pelajar ke arah bidang keusahawanan seperti kadar pengangguran yang kian meningkat saban tahun. Bidang keusahawanan merupakan satu bidang kerjaya yang dapat membantu mengurangkan peratusan kadar pengangguran negara kerana bilangan peluang pekerjaan yang wujud sama ada kerajaan atau swasta tidak mampu menampung keseluruhan penduduk. Bukan itu sahaja, keusahawanan juga boleh menjadi alternatif kepada rakyat sebagai peluang pekerjaan. Masalah pengangguran atau kesukaran mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian telah menjadi masalah yang selalu diperkatakan oleh golongan pelajar di negara Malaysia. Menurut Noor, (2022) kadar pengangguran siswazah tahun lalu berkurang kepada 4.1%, atau 197,400 orang, berbanding 202,400 orang pada tahun sebelumnya, berdasarkan statistik siswazah menganggur 2021 yang dikeluarkan hari ini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Bukan itu sahaja, lebih 90,000 graduan berdepan dengan masalah pengangguran akibat kekurangan peluang pekerjaan di samping pengeluaran lepasan universiti secara 'berlebihan' oleh institusi pendidikan tinggi tempatan (Hassan, 2023). Hal ini menunjukkan masalah pengangguran masih lagi menjadi isu di Malaysia dan keadaan ini amat membimbangkan kerana boleh mengakibatkan tekanan inflasi serta menjejaskan kelebihan berdaya saing dengan negara-negara lain dalam tempoh jangka panjang.

Selain itu, menceburkan diri dalam bidang keusahawanan adalah perkara yang sangat mencabar bagi setiap individu. Tambahan lagi kurangnya pendedahan kepada pelajar adalah punca kegagalan dalam bidang perniagaan. Penyebab kegagalan dalam bidang perniagaan adalah berpunca daripada kurangnya ilmu pengetahuan asas dan tidak mempunyai pengalaman dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, bidang keusahawanan haruslah dipupuk dan didedahkan secara meluas kepada generasi muda sejak di alam persekolahan lagi. Hal ini bertujuan untuk menghasilkan usahawan yang berkualiti, berpengetahuan serta mempunyai kemahiran sama ada secara formal atau tidak formal melalui aktiviti dan program yang telah disertai dan dijalankan. Menurut Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) BERNAMA, (2021) yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), kerajaan akan terus memperluaskan program pembangunan keusahawanan untuk memberi inspirasi kepada mereka yang ingin menjadi usahawan. Bukan itu sahaja, pihak kerajaan juga telah menubuhkan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE) di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Tujuan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE) Malaysia ialah untuk menggabungkan dan mencadangkan sebuah model komprehensif untuk meningkatkan program dan kurikulum keusahawanan di institusi pendidikan tinggi (IPT) (Tinggi *et al.*, n.d.).

Di samping itu, kadar pengangguran yang semakin meningkat dan kekurangan peluang pekerjaan di Malaysia telah mendorong pelajar untuk mempertimbangkan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya yang berdaya maju. Dengan ketidakupayaan peluang pekerjaan sedia ada untuk memenuhi permintaan penduduk, keusahawanan mampu menawarkan alternatif pekerjaan. Walaubagaimanapun, isu pengangguran masih berterusan dan keadaan ini menimbulkan kebimbangan jangka panjang seperti tekanan inflasi dan kelebihan daya saing yang berkurangan. Untuk menangani perkara ini, terdapat keperluan untuk memupuk dan mendedahkan pelajar kepada keusahawanan sejak kecil, menyediakan mereka dengan pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan. Usaha kerajaan memperluaskan program pembangunan keusahawanan dan melaksanakan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu (EIE) di institusi pengajian tinggi bertujuan untuk memupuk usahawan yang berkemahiran dan berpengetahuan untuk masa hadapan.

Kesimpulannya, bidang keusahawanan merupakan sebuah peluang pekerjaan yang berpotensi untuk kalangan generasi muda. Bukan itu sahaja, pendidikan keusahawanan dan sokongan kerajaan adalah penting dalam memupuk semangat dan bakat keusahawanan dalam diri seseorang individu. Hal ini kerana untuk

menghasilkan usahawan yang berkualiti, berpengetahuan, dan memiliki kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi cabaran ekonomi pada masa hadapan.

Oleh itu, untuk mencapai objektif kajian tahap kompetensi pengurusan keusahawanan yang mencetuskan idea inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ditentukan. Tambahan pula, tahap niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia juga ditentukan. Sehubungan itu, hubungan antara kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dikenal pasti.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini adalah berkenaan hubungan antara kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di UTHM. Cara dan hasil penyelidikan ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan pada masa akan datang kepada pelajar UTHM secara amnya yang berminat untuk memulakan perniagaan melalui pengetahuan diperolehi daripada soal selidik responden yang menceburi bidang perniagaan. Ilmu pengurusan keusahawanan amat penting kerana ia boleh memberi impak yang besar kepada pelajar UTHM dalam memulakan perniagaan mereka terutamanya yang mempunyai asas keusahawanan. Ini akan mempengaruhi pelajar bahawa pengurusan keusahawanan boleh memberi kesan yang baik kepada mereka kerana niat inovatif memulakan perniagaan bergantung kepada sejauh mana pengetahuan pengurusan keusahawanan yang ada dalam diri dengan mengkaji platform perniagaan, status perniagaan dan tahap niat inovatif memulakan perniagaan pelajar sepanjang penyelidikan ini sebagai rujukan masa depan mereka.

Tahap kompetensi pengurusan keusahawanan akan dinilai berdasarkan beberapa aspek seperti kemahiran komunikasi, kemahiran membina rangkaian serta kecekapan kreativiti dan inovasi serta niat memulakan inovatif telah menjadi punca niat inovatif untuk memulakan perniagaan kepada pelajar UTHM dengan pelbagai cara. Sejauh mana prestasi kompetensi pengurusan keusahawanan yang diperolehi, tahap niat inovatif mereka untuk memulakan perniagaan akan bertambah serta mempunyai keyakinan diri untuk menjalankan perniagaan dengan lebih bersemangat. Menurut kajian, kompetensi pengurusan keusahawanan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi tahap niat inovatif memulakan perniagaan pelajar di UTHM dengan memperoleh pengetahuan keusahawanan atau mengurangkan kesilapan dalam menjalankan perniagaan. Daripada kajian ini, secara amnya dapat mengaitkan hubungan antara tahap kompetensi pengurusan keusahawanan boleh mempengaruhi tahap niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

### 1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah untuk mengkaji antara kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Skop kajian ini juga terhad kepada semua pelajar UTHM sahaja. Setiap responden dalam kajian akan diminta untuk melengkapkan borang soal selidik yang diedarkan menggunakan Google Form untuk membantu kajian penyelidikan ini.

Skop kajian penyelidikan ini adalah dalam kalangan pelajar kampus induk UTHM sahaja yang melibatkan 6 fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) lebih kurang seramai 15,000 orang populasi. Kajian ini adalah melibatkan kaedah kuantitatif. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul data. Oleh itu, metodologi yang digunakan akan dapat membantu pengkaji mendapatkan data dan maklumat penting berkaitan tahap kompetensi pengurusan keusahawanan dan tahap niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

## 2. Kajian Literatur

### 2.1 Kompetensi Pengurusan Keusahawanan

#### 2.1.1 Definisi Kompetensi Pengurusan Keusahawanan

Pembolehkan bersandar dalam kajian ini ialah niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Menurut Jasmi, (2017), dari segi bahasa, niat berasal daripada perkataan Arab pertama, qasad, yang bermaksud mensengajakan. Menurut Imam Syafii, niatnya ialah qasad yang disertai dengan perlakuan atau perbuatan. Walaupun tempat niat berlaku secara dalam hati, ia masih perlu dilafazkan supaya ia boleh dimasukkan ke dalam dan hukumnya adalah fardu dan wajib (Jasmi, 2017). Pelajar yang mempunyai niat ingin memulakan perniagaan akan berusaha bersungguh-sungguh dan mempunyai semangat yang lebih dalam bidang perniagaan yang dijalankan berbanding orang yang membuka perniagaan tanpa niat. Hal ini kerana, dengan adanya niat membuatkan seseorang itu rasa mempunyai tanggungjawab dengan

apa yang dilakukan. Selain itu, niat merupakan maksud ataupun tujuan untuk melakukan sesuatu, hajat atau kehendak (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015)

Menurut Kementerian Dalam Negeri, (2023), inovatif atau inovasi ialah proses mencipta produk atau perkhidmatan supaya menjadi lebih baik dengan menambah baik atau mengubah suai sesuatu. Ia adalah hasil daripada idea inovatif dan kreatif dalam mana-mana bidang kerja yang boleh meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam syarikat. Sebarang perubahan dari segi bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja, atau penggunaan teknologi boleh menjadi sebahagian daripada konsep ini. Selain itu, keupayaan seseorang untuk menjadi inovatif ditakrifkan sebagai kecenderungan mereka untuk mencari pendekatan, idea atau teknik baharu untuk meningkatkan cara sesuatu perkara dilakukan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000). Usahawan yang inovatif akan sentiasa berusaha dalam mencari cara supaya perniagaan mereka menjadi menjadi lebih baik dan maju seta menjadikan barangan atau perkhidmatan yang dikeluarkan lebih menarik untuk bersaing dengan peniaga-peniaga lain.

Di samping itu, perniagaan ialah aktiviti mencari rezeki atau mendapatkan wang dengan menghasilkan atau membeli serta menjual produk seperti barang dan perkhidmatan (Alfonsius, 2020). Secara amnya, perniagaan bermula dengan konsep perniagaan yang melibatkan idea dan nama. Nama perniagaan boleh menjadi salah satu aset yang berharga untuk sesebuah perniagaan. Seterusnya, perniagaan juga merujuk kepada pekerjaan di mana barangan dan perkhidmatan dihasilkan dan dijual sebagai balasan wang (Aremu & Ayanda, 2016). Objektif utama perniagaan dijalankan secara tetap adalah untuk membuat keuntungan yang maksimum. Menurut Hayes, (2022), istilah perniagaan merujuk kepada organisasi atau entiti giat yang terlibat dalam aktiviti komersial, perindustrian atau profesional.

Kesimpulannya, niat inovatif merupakan salah satu perkara penting untuk seseorang dalam memulakan perniagaan. Hal ini kerana niat inovatif akan memberikan kelebihan dan faedah kepada perniagaan sama ada dalam kegiatan pemasaran mahupun penghasilan produk yang kreatif, inovasi, lebih bermutu dan dapat memenuhi keperluan serta kehendak pengguna. Bukan itu sahaja, idea yang inovatif dalam penghasilan produk dalam perniagaan dapat menarik minat pelanggan untuk membeli dan sekaligus ianya akan memberi keuntungan kepada seseorang usahawan yang mengaplikasikan inovasi dalam perniagaannya.

### 2.1.2 Teori Kompetensi Pengurusan Keusahawanan

Teori niat inovatif memberikan pandangan yang berharga tentang proses membuat keputusan individu apabila memulakan perniagaan. Teori ini, seperti yang dibincangkan oleh Liñán dan Chen (2009), menonjolkan kepentingan inovasi sebagai pemacu utama niat keusahawanan. Mengikut teori, individu yang mempunyai niat inovatif yang kuat lebih berkemungkinan untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan dan mewujudkan usaha niaga yang membawa idea, produk atau proses baru ke pasaran. Dengan memupuk minda yang inovatif dan mengiktiraf potensi untuk penciptaan nilai, usahawan boleh meningkatkan peluang mereka untuk berjaya dalam landskap perniagaan yang kompetitif (Liñán & Chen, 2009).

### 2.1.3 Kajian Lepas Kompetensi Pengurusan Keusahawanan

Menurut kajian lepas Wathanakom *et al.*, (2020), tujuan pengkaji adalah untuk mendedahkan faktor yang mempengaruhi inovasi, sikap terhadap keusahawanan, dan niat keusahawanan pelajar sarjana muda serta hubungan sebab akibat antara inovasi dan niat keusahawanan di kalangan pelajar sarjana muda. Terdapat lima indikator inovasi dalam kajian lepas ini iaitu sentiasa mengambil bahagian dalam aktiviti baharu, menyelesaikan tindakan secara berbeza melalui pembelajaran berterusan daripada idea baharu, mencari teknologi secara berterusan proses, teknik, atau idea produk baharu, mengembangkan kreativiti, dan menggunakan inovasi secara konsisten dalam situasi kerja sebenar (Wathanakom *et al.*, 2020).

Menurut Barinua *et al.* (2022), kajiannya adalah mengenai kreativiti keusahawanan dan niat permulaan yang inovatif. Kajian ini juga tertumpu kepada kreativiti dengan dimensi kecekapan serta kecerdasan manakala niat diukur melalui teori Perceived Desirability dan Perceived Feasibility. Selain itu, penyelidikan beliau bergantung pada teori tingkah laku terancang, yang mengatakan bahawa niat adalah apa yang mendorong tingkah laku seseorang. Terdapat tiga faktor penentu yang membentuk niat iaitu sikap individu terhadap tingkah laku, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. Melalui kaedah kajian kualitatif di mana data telah dikumpulkan daripada literatur berkaitan, kajian mendapati bahawa orang yang mempunyai kreativiti tinggi boleh mengekalkan sikap positif dan keyakinan diri yang tinggi dalam aktiviti keusahawanan (Barinua *et al.*, 2022).

Berdasarkan kajian Koel *et al.* (2018), hubungan kreativiti dan inovasi didapati positif dan signifikan dalam mempengaruhi niat pelajar Bumiputera untuk memulakan perniagaan. Sementara itu, pencarian peluang adalah tidak penting. Hal ini kerana adalah penting untuk membangunkan individu yang kreatif dan inovatif dalam menggalakkan keusahawanan. Kajian ini juga mencadangkan institusi pengajian tinggi dalam mempertimbangkan untuk menggunakan pendekatan pembelajaran bukan bilik darjah dalam menjalankan latihan keusahawanan seperti pembelajaran keusahawanan melalui pembelajaran dan pengalaman. Guru atau jurulatih harus dianggap

sebagai fasilitator dan bukannya pemberi ilmu tradisional. Kajian lepas ini juga menyatakan bahawa kerajaan digesa menggalakkan persekitaran perniagaan yang lebih mesra usahawan (Koel *et al.*, 2018).

## 2.2 Niat Inovatif Memulakan Perniagaan

### 2.2.1 Definisi Niat Inovatif Memulakan Perniagaan

Gosselin (2020) menyatakan bahawa kompetensi merupakan pernyataan umum yang menerangkan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku yang diinginkan pelajar yang menamatkan program (atau menamatkan kursus). Secara lazimnya, kompetensi ditakrifkan sebagai kemahiran dan pengetahuan yang digunakan yang membolehkan orang ramai berjaya dalam melaksanakan konteks profesional, pendidikan dan kehidupan yang lain. Di samping itu, pengurusan boleh ditakrifkan sebagai seni kerja yang dilakukan melalui orang ramai, dengan kepuasan majikan, pekerja, dan orang ramai (Maiti, 2020). Pengurusan adalah perlu untuk membimbing, mengarahkan, mengawal usaha manusia ke arah pemenuhan matlamat perusahaan. Kesimpulannya, kompetensi pengurusan keusahawanan sangatlah penting untuk memastikan perniagaan yang dijalankan tidak mempunyai masalah pada masa akan datang.

### 2.2.2 Teori Niat Inovatif Memulakan Perniagaan

Dalam konteks kecekapan pengurusan, komunikasi yang berkesan memainkan peranan penting dalam mewujudkan hubungan dan memupuk hubungan positif. Teori Akomodasi Komunikasi, yang dicadangkan oleh Giles & Ogay, (2007), memberikan pandangan berharga tentang cara individu menyesuaikan gaya komunikasi mereka kepada menampung dan berhubung dengan orang lain. Bagi usahawan, memahami dan menggunakan prinsip teori ini boleh meningkatkan kecekapan pengurusan mereka dengan memudahkan komunikasi berkesan dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pekerja, pelabur, dan pelanggan. Dengan menggunakan strategi komunikasi yang sesuai yang sejajar dengan jangkaan dan keutamaan daripada individu atau kumpulan yang berbeza, usahawan boleh membina kepercayaan, meningkatkan kerjasama dan meningkatkan prestasi organisasi secara keseluruhan.

### 2.2.3 Kajian Lepas Niat Inovatif Memulakan Perniagaan

Menurut kajian Botha *et al.* (2019), tinjauan menunjukkan bahawa keusahawanan kecekapan mempunyai hubungan positif dengan tindakan keusahawanan, tingkah laku niat keusahawanan dan sikap niat keusahawanan secara berulang. Berdasarkan kajiannya, terdapat hubungan yang tidak signifikan antara tindakan keusahawanan dan tingkah laku niat keusahawanan. Ini adalah penemuan yang tidak dijangka sebagai hubungan yang dijangkakan positif untuk sampel yang mempunyai pengalaman keusahawanan dan telah terlibat dalam tingkah laku terdahulu. Walau bagaimanapun, kajian ini menyumbang kepada niat-tindakan keusahawanan literatur dengan mencadangkan bahawa usahawan sedia ada dengan niat berulang juga harus diukur dalam hubungan ini, berbanding dengan penyelidikan lain yang tertumpu terutamanya pada niat pelajar dan bukan usahawan.


Kajian lepas oleh Thabityahya & Abdelhayelsayed (2012), pengkaji cuba mewujudkan rangka kerja untuk memahami pengaruh pengurusan faktor kompetensi dalam kalangan PKS di Selangor, Malaysia, dengan mengkaji profil PKS di Malaysia. Rangka kerja yang dicadangkan memberi tumpuan kepada beberapa faktor seperti kecekapan pengurusan dan prestasi organisasi, sikap pengurus, kecekapan pengurusan dan kepimpinan, pengurusan kecekapan dan reka bentuk dan pembangunan organisasi, latar belakang pengurusan dan kecekapan, pembangunan sumber manusia dan kecekapan pengurusan, kecekapan pengurusan terhadap strategi persaingan serta faktor peribadi yang mempengaruhi pengurusan kecekapan. Kajian ini telah mengenal pasti itu faktor kecekapan pengurusan dalam kalangan PKS di Selangor, Malaysia memberi impak yang besar dalam memotivasikan pengurus ke arah pertumbuhan dan pembangunan PKS (Thabityahya & Abdelhayelsayed, 2012). Terdapat 2 hipotesis dibina iaitu:

H1: Kompetensi pengurusan keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di UTHM

H0: Kompetensi pengurusan keusahawanan mempunyai hubungan yang tidak signifikan terhadap niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di UTHM

## 2.3 Kerangka Konseptual

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang terdiri daripada pemboleh ubah tidak bersandar iaitu minda keusahawanan dan pemboleh ubah bersandar iaitu niat keusahawanan. Terdapat 5 faktor minda keusahawanan yang mempunyai hubungan dengan niat keusahawanan seperti yang ditunjukkan pada rajah di bawah.



Rajah 1 Kerangka konseptual

### 3. Metodologi Kajian

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pelbagai teknik pendekatan penyelidikan yang membimbing dan membolehkan pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini. Penggunaan borang soal selidik adalah pendekatan kuantitatif yang digunakan. Soal selidik adalah kaedah utama untuk mengumpul data primer kuantitatif. Kajian kuantitatif juga digunakan dalam kajian ini kerana ia bertujuan untuk mengetahui tentang kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar UTHM.

#### 3.2 Populasi dan pensampelan Kajian

Populasi sasaran kajian ini adalah terdiri daripada semua pelajar kampus induk di UTHM sama ada baru ingin menceburi bidang perniagaan mahupun yang mempunyai perniagaan sendiri. Bilangan pelajar UTHM di kampus induk adalah seramai lebih kurang 15,000 orang pelajar yang terdiri daripada FKAAB, FKEE, FKMP, FPTP, FPTV, dan FSKTM. Semua ahli yang memenuhi kriteria tertentu yang ditetapkan oleh penyiasatan penyelidikan dianggap sebagai populasi sasaran (Alvi, 2016). Jumlah populasi pelajar ditentukan berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan. Kaedah persampelan ialah kaedah meninjau populasi besar yang melibatkan kedua-dua sampel kebarangkalian dan bukan kebarangkalian. Kajian ini akan menggunakan kaedah persampelan secara rawak. Pensampelan secara rawak adalah kaedah persampelan yang digunakan oleh penyelidik dengan memilih subjek sampel secara rawak sama dan mempunyai ciri-ciri dalam populasi kajian. Populasi dibahagikan kepada kelompok yang berbeza untuk memilih sampel secara rawak. Ini adalah teknik yang sangat berguna untuk pengkaji kerana UTHM mempunyai pelbagai fakulti yang berbeza. Menurut Sekaran & Bougie (2016), sampel ialah subset daripada penduduk. Dengan mengkaji sampel, pengkaji seharusnya dapat membuat kesimpulan yang boleh digeneralisasikan kepada populasi yang terlibat. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan, bilangan sampel yang diperlukan adalah seramai 375 orang daripada 15,000 orang pelajar sebagai populasi.

#### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang diedarkan menggunakan Google Form. Set soal selidik yang akan diedarkan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Di dalam bahagian A mengandungi profil demografi responden yang pada asasnya adalah beberapa kajian latar belakang responden dengan aneka pilihan jawapan. Bahagian B pula mengandungi pembolehubah tidak bersandar penyelidikan iaitu kompetensi pengurusan keusahawanan. Dalam bahagian ini mempunyai beberapa soalan yang perlu dijawab oleh responden berdasarkan skala likert yang diberikan. Akhir sekali, bahagian C adalah untuk pembolehubah bersandar iaitu niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar. Kesemua soalan soal selidik di bahagian B dengan C adalah diambil daripada pengkaji lain manakala bahagian A direka oleh pengkaji sendiri.

#### 3.4 Kebolehpercayaan dan Kesahan

Ujian kebolehpercayaan dan kesahan akan dijalankan ke atas konstruk untuk menentukan kesesuaiannya untuk dimasukkan dalam analisis model struktur. Kebolehpercayaan dan kesahan adalah pertimbangan penting dalam penyelidikan untuk memastikan kredibiliti dan ketepatan penemuan. Dalam bahagian ini, kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian kuantitatif diterangkan.

Menurut Daniel *et al.* (2018), kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan atau kestabilan sesuatu ukuran. Dalam kajian ini, kebolehpercayaan kajian ini diukur menggunakan pekali Cronbach pada nilai standard minimum yang disyorkan. Kajian ini melibatkan 22 soalan untuk pembangunan soal selidik yang terdiri daripada profil demografi, tahap kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar UTHM.

Kesahan merujuk kepada ketepatan sesuatu kaedah dalam mengukur sesuatu data yang diperolehi. Jika sesuatu kajian mempunyai kesahan yang tinggi, maka hasilnya sepadan dengan sifat, ciri dan variasi sebenar. Dalam kajian ini, kesahan dinilai menggunakan ujian kesahan diskriminasi. Kesahihannya akan dinilai oleh 375 responden pelajar UTHM sebagai persampelan untuk mendapatkan hasil soal selidik yang melibatkan tiga struktur komponen.

Menurut Cronbach's Alpha, hasil daripada 0.00 atau ke bawah menunjukkan bahawa tinjauan adalah tidak boleh dipercayai. Walau bagaimanapun, jika nilai yang dipaparkan ialah 1.00, ini menunjukkan kebolehpercayaan yang cemerlang dan sempurna. Julat 0.80 hingga 0.90 yang ditunjukkan biasanya digunakan dalam kebanyakan kajian.

**Jadual 1** Nilai dan tafsiran Cronbach's Alpha

Nilai Cronbach's Alpha	Tafsiran
<0.6	Lemah
0.6 hingga < 0.7	Sederhana
0.7 hingga < 0.8	Baik
0.8 hingga < 0.9	Sangat Baik
0.9	Cemerlang

### 3.5 Analisis Data

Di dalam kajian ini, data ditafsirkan menggunakan analisis data kuantitatif atau analisis statistik yang menggunakan kaedah berkomputer dan statistik yang menumpukan sepenuhnya kepada analisis pengiraan berangka bagi set data. Untuk menilai dan menganalisis data yang diperolehi dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan aplikasi *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)*. Aplikasi SPSS ini digunakan adalah untuk memperoleh analisis deskriptif dan analisis korelasi. Analisis deskriptif data digunakan untuk menentukan min dan sisihan piawai bagi setiap pembolehubah kajian. Analisis normaliti juga akan dijalankan untuk menentukan sama ada data kajian adalah normal atau tidak normal. Ujian kenormalan data akan dijalankan menggunakan dua kaedah iaitu secara visual dan statistik. Kaedah visual adalah meliputi istogram dengan lengkung normal serta Q-Q Plot manakala kaedah statistik menggunakan analisis Skewness dan Kurtosis serta Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro Wilk. Hasil analisis korelasi akan menentukan sama ada data yang diuji adalah Spearman atau Pearson. Oleh itu, kajian ini menggunakan analisis Spearman's Rho kerana pengkaji mendapati data kajiannya adalah tidak normal. Analisis korelasi ini akan menggunakan korelasi statistik untuk mengkaji hubungan antara kompetensi pengurusan keusahawanan dengan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar UTHM.

## 4. Analisis Data dan Dapatan Kajian

### 4.1 Kadar Tindak Balas Tinjauan

Dalam bahagian ini, pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data di kalangan pelajar UTHM. Data dikutip melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada semua fakulti iaitu FPTP, FKAAB, FKEE, FKMP, FPTV dan FSKTM. Borang soal selidik yang diedarkan adalah dalam bentuk Google Form dan telah disebar kepada pelajar melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram. Sebanyak 375 borang soal selidik telah diedarkan ke seluruh UTHM dan jumlah soal selidik yang berjaya dikumpul adalah seramai 375 orang responden dengan kadar pulangan 100%.

**Jadual 2** Pengumpulan data dan respons kajian

Populasi	Sampel kajian	Soal selidik dikembalikan	Peratus
15,000	375	375	100%

### 4.2 Analisis Kebolehpercayaan

Jadual 3 menunjukkan ujian kebolehpercayaan bagi kajian sebenar bagi setiap pembolehubah. Dalam kajian ini, seramai 375 orang responden iaitu pelajar UTHM telah menjawab soal selidik untuk menjalankan kajian sebenar. Hasil daripada analisis ujian kebolehpercayaan bagi kajian sebenar mendapati bahawa nilai Cronbach's Alpha bagi pengukuran kemahiran berkomunikasi adalah 0.782 iaitu baik manakala pengukuran untuk kemahiran membina rangkaian adalah 0.820 iaitu sangat baik. Seterusnya, pengukuran bagi kemahiran kreativiti dan inovasi adalah 0.802 yang merangkumi nilai alfa cronbach yang sangat baik. Akhir sekali, nilai Cronbach's Alpha bagi niat inovatif



adalah 0.792 iaitu baik. Keputusan menunjukkan bahawa ujian kebolehpercayaan untuk kajian sebenar adalah boleh diterima dan baik, yang mencerminkan kajian sebenar adalah boleh dipercayai.

**Jadual 3** *Ujian kebolehpercayaan kajian sebenar*

Pembolehubah	No. Item	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i>	Tahap Kebolehpercayaan
Kemahiran berkomunikasi	5	0.782	Baik
Kemahiran membina rangkaian	5	0.820	Sangat Baik
Kecekapan kreativiti dan inovasi	5	0.802	Sangat baik
Niat inovatif	5	0.792	Baik
Jumlah Keseluruhan	20	0.799	Baik

### 4.3 Analisis Deskriptif (Demografi Responden)

Bahagian ini menerangkan mengenai analisis deskriptif yang telah digunakan oleh pengkaji. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 375 orang pelajar kampus induk di UTHM. Maklumat demografi responden telah dianalisis dan dibentangkan dalam bahagian ini. Maklumat demografi termasuk jantina, umur, bangsa, fakulti, serta beberapa soalan berkaitan kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat memulakan perniagaan.

**Jadual 4** *Demografi responden*

Ciri - ciri	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	124	33.1
	Perempuan	251	66.9
Umur	20 - 22	40	10.7
	23 - 25	324	86.1
	26 - 28	12	3.2
Bangsa	Melayu	284	75.7
	Cina	62	16.5
	India	22	5.9
	Lain-lain	7	1.9
Fakulti	FPTP	169	45.1
	FKAAB	45	12.0
	FKEE	46	12.3
	FKMP	42	11.2
	FPTV	45	12.0
	FSKTM	28	7.5
Niat memulakan perniagaan	Selepas tamat pengajian	223	59.5
	10 tahun selepas tamat pengajian	152	40.5
Platform perniagaan	Atas talian	209	55.7
	Fizikal	166	44.3
SSM	Ya	219	58.4
	Tidak	156	41.6

### 4.4 Analisis Deskriptif Pembolehubah

Tahap kompetensi pengurusan mempunyai tiga item iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran membina rangkaian serta kecekapan kreativiti dan inovasi manakala tahap niat inovatif memulakan perniagaan mempunyai satu item sahaja iaitu niat inovatif. Nilai purata dan sisihan piawai bagi semua item pembolehubah seperti jadual di bawah.

Berdasarkan jadual 5 di bawah, nilai purata yang paling tinggi bagi kemahiran berkomunikasi ialah 4.589 ( $\sigma = 0.656$ ). di mana responden boleh berkomunikasi dengan orang lain untuk perniagaan mereka. Seterusnya, nilai purata yang paling rendah ialah 4.389 ( $\sigma = 0.669$ ) iaitu responden menyatakan mereka boleh menggunakan pelbagai saluran media untuk komunikasi. Seterusnya, nilai purata yang paling tinggi bagi kemahiran membina rangkaian ialah 4.448 ( $\sigma = 0.691$ ) di mana responden boleh mengakses pelbagai rangkaian sama ada dalam talian

dan luar talian. Seterusnya, nilai purata yang paling rendah ialah 4.291 ( $\sigma=0.726$ ) iaitu responden menyatakan mereka tahu cara mengurus rangkaian perniagaan yang pelbagai. Selain itu, nilai purata yang paling tinggi bagi kecekapan kreativiti dan inovasi ialah 4.435 ( $\sigma =0.735$ ) di mana responden memberi respon bahawa mereka seorang yang inovatif atau kreatif. Seterusnya, nilai purata yang paling rendah ialah 4.400 ( $\sigma =0.728$ ) iaitu responden menyatakan mereka mempunyai pelbagai idea berguna untuk kerja atau perniagaan. Akhir sekali, nilai purata yang paling tinggi bagi niat inovatif ialah 4.483 ( $\sigma =0.712$ ) di mana responden memberi respon bahawa mereka berminat dengan permulaan yang inovatif. Seterusnya, nilai purata yang paling rendah ialah 4.365 ( $\sigma =0.737$ ) iaitu responden menyatakan mereka mempunyai niat permulaan dengan idea-idea inovatif.

**Jadual 5** Min dan sisihan piawai pembolehubah

Ciri - ciri	Soalan	Purata	Sisihan Piawai
Kemahiran berkomunikasi	Saya boleh berkomunikasi dengan orang lain untuk perniagaan saya	4.589	.656
	Saya boleh meyakinkan orang lain dalam komunikasi perniagaan	4.405	.698
	Saya boleh membuat hubungan kerjasama dengan orang lain	4.405	.702
	Saya boleh menggunakan dokumen atau laporan untuk komunikasi	4.395	.697
	Saya boleh menggunakan pelbagai saluran media untuk komunikasi	4.389	.669
Kemahiran membina rangkaian	Saya boleh membina rangkaian koperasi yang pelbagai untuk perniagaan	4.392	.677
	Saya tahu cara mengurus rangkaian perniagaan yang pelbagai.	4.291	.726
	Saya boleh menggunakan rangkaian yang pelbagai untuk perniagaan saya.	4.376	.682
	Saya boleh mengakses pelbagai rangkaian sama ada dalam talian dan luar talian.	4.448	.691
	Saya tahu siapa yang boleh membantu perniagaan saya.	4.432	.717
Kecekapan kreativiti dan Inovasi	Saya inovatif atau kreatif	4.435	.735
	Saya biasa membuat sesuatu yang baru atau berbeza	4.352	.653
	Saya seronok mengeksplorasi idea baharu untuk menyelesaikan masalah	4.435	.671
	Saya mempunyai keupayaan untuk membuat sesuatu yang lebih baik	4.419	.673
	Saya mempunyai pelbagai idea berguna untuk kerja atau perniagaan	4.400	.728
Niat inovatif memulakan perniagaan	Saya berminat dengan permulaan yang inovatif	4.483	.712
	Saya mempunyai niat permulaan dengan idea-idea inovatif	4.365	.737
	Saya lebih suka memulakan dalam industri baharu atau baru muncul	4.368	.704
	Saya menganggap permulaan saya sebagai satu cabaran untuk mencapai matlamat saya	4.413	.729
	Saya mempunyai sikap positif terhadap permulaan yang mencabar dengan inovatif	4.389	.692

#### 4.5 Nilai Purata Keseluruhan Pembolehubah

Jadual 6 menunjukkan nilai purata bagi setiap tahap bagi soal selidik. Hasil kajian menunjukkan kemahiran berkomunikasi memperoleh nilai purata tertinggi iaitu 4.437 ( $\sigma =0.501$ ). Walau bagaimanapun, nilai purata terendah yang diperolehi oleh kemahiran membina rangkaian iaitu 4.388( $\sigma =0.533$ ). Seterusnya, nilai purata bagi kecekapan kreativiti dan inovatif ialah 4.408 ( $\sigma =0.517$ ) manakala niat inovatif memulakan perniagaan ialah 4.404 ( $\sigma =0.528$ ).

**Jadual 6** Nilai purata keseluruhan bagi setiap pembolehubah

Pembolehubah	Purata	Sisihan piawai
Kemahiran berkomunikasi	4.437	0.501
Kemahiran membina rangkaian	4.388	0.533
Kecekapan kreativiti dan inovatif	4.408	0.517
Niat inovatif memulakan perniagaan	4.404	0.528

## 4.6 Ujian Normaliti

### 4.6.1 Analisis Skewness dan Kurtosis

Jadual 7 menunjukkan hasil ujian normaliti menggunakan analisis Skewness dan Kurtosis. Hasil daripada ujian tersebut, nilai Skewness adalah -1.899 yang bermaksud taburan data niat inovatif adalah condong ke kiri. Seterusnya, nilai normaliti bagi nilai Kurtosis ialah 6.717 menunjukkan bahawa data adalah tidak normal disebabkan oleh kecondongan ke kiri.

**Jadual 7** Analisis Skewness dan Kurtosis

Item	N	Purata	Sisihan Piawai	Skewness	Kurtosis	Tafsiran
Niat inovatif	375	4.3659	0.96932	-1.899	6.717	Tidak Normal

### 4.6.2 Analisis Kolmogorov – Smirnov dan Shapiro Wilk

Jadual 8 menunjukkan keputusan ujian normaliti yang telah dijalankan oleh pengkaji. Analisis normaliti ini merangkumi 375 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Nilai P bagi niat inovatif adalah tidak normal kerana  $P < 0.00$  dengan nilai signifikannya 0.000. Oleh itu, ujian parametrik Spearman's Rho akan digunakan dalam ujian korelasi untuk menerangkan hubungan antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar sekaligus untuk mencapai objektif kajian.

**Jadual 8** Analisis Kolmogorov - Smirnov dan Shapiro – Wilk

	Kolmogorov-Smirnov <sup>a</sup>			Shapiro-Wilk		
	Statistik	df	Sig.	Statistik	df	Sig.
Purata Keseluruhan Niat Inovatif	.159	375	.000	.846	375	.000

## 4.7 Analisis Korelasi

### 4.7.1 Analisis Spearman's rho

Analisis Spearman's Rho digunakan kerana analisis Kolmogorov-Smirnov yang dijalankan menunjukkan data tidak normal. Oleh itu, Jadual 9 menunjukkan nilai pekali korelasi spearman di antara kemahiran berkomunikasi dan niat inovatif memulakan perniagaan adalah 0.470 dan  $P > 0.01$  iaitu menunjukkan hubungan yang sederhana. Seterusnya, nilai pekali korelasi antara kemahiran membina rangkaian dengan niat inovatif adalah 0.452 dengan nilai  $P > 0.01$  iaitu menunjukkan hubungan yang sederhana antara satu sama lain. Di samping itu, nilai pekali korelasi antara kecekapan kreativiti dan inovasi adalah 0.460 dengan nilai  $P > 0.01$  serta mewujudkan hubungan yang sederhana. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan ada korelasi antara kompetensi pengurusan keusahawanan dengan niat inovatif memulakan perniagaan.

**Jadual 9** Korelasi Spearman's Rho

No	Komponen Pembolehubah	Nilai Purata Keseluruhan
1.	Kemahiran berkomunikasi	Pekali korelasi 0.470**
		Signifikan (2 ekor) 0.000
2.	Kemahiran Membina Rangkaian	Pekali korelasi 0.452**
		Signifikan (2 ekor) 0.000
3.	Kecekapan Kreativiti dan Inovasi	Pekali korelasi 0.460**
		Signifikan (2 ekor) 0.000

### 4.7.2 Analisis Hubungan antara Kompetensi Pengurusan Keusahawanan dan Niat Inovatif Memulakan Perniagaan dalam kalangan pelajar UTHM.

Dalam bahagian ini, persoalan kajian yang ketiga berkenaan hubungan antara kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat inovatif akan dijawab menerusi hipotesis kajian. Sampel data yang digunakan telah memenuhi andaian untuk menjalankan analisis korelasi iaitu data sampel adalah diambil secara rawak dan memenuhi syarat kenormalan data. Hipotesis yang telah dibentuk adalah seperti berikut:

H1: Kompetensi pengurusan keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di UTHM.

H0: Kompetensi pengurusan keusahawanan mempunyai hubungan yang tidak signifikan terhadap niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di UTHM.

**Jadual 10** Tahap kekuatan hubungan kompetensi pengurusan keusahawanan terhadap niat inovatif memulakan perniagaan

Pemboleh ubah	r	Signifikan	Tahap Kekuatan Hubungan
Kemahiran berkomunikasi	0.470	0.00	Sederhana
Kemahiran membina rangkaian	0.452	0.00	Sederhana
Kecekapan kreativiti dan inovasi	0.460	0.00	Sederhana

Hasil daripada analisis berdasarkan sampel yang diambil dari populasi yang telah dikaji, terdapat korelasi yang sederhana dan positif antara keinginan untuk kemahiran berkomunikasi, kemahiran membina rangkaian serta kecekapan kreativiti dan inovasi terhadap niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar UTHM. Hal ini kerana, nilai pekali korelasi untuk kesemua pemboleh ubah adalah  $p < 0.05$  dan ia membuktikan terdapat hubungan yang signifikan untuk hubungan di antara kompetensi pengurusan keusahawanan dengan niat inovatif memulakan perniagaan. Oleh itu, H1 diterima manakala H0 ditolak dalam kajian ini. Berdasarkan kajian Zarefard, (2018) yang bertajuk “*Entrepreneurs’ Managerial Competencies And Innovative Start-Up Intentions In University Students: Focus On Mediating Factors*” telah mendapati bahawa kompetensi pengurusan keusahawanan terhadap niat inovatif mempunyai hubungan yang signifikan yang dipengaruhi oleh faktor kompetensi pengurusan keusahawanan itu sendiri iaitu kecekapan pentadbiran, pembinaan rangkaian, kreativiti dan inovasi.

## 5. Perbincangan dan Kesimpulan

### 5.1 Perbincangan Tentang Persoalan Kajian

#### 5.1.1 Objektif Kajian 1

“Untuk mengkaji tahap kompetensi pengurusan keusahawanan yang mencetuskan idea inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)”

Dalam kajian ini, soal selidik digunakan untuk menentukan tahap kompetensi pengurusan keusahawanan yang mencetuskan idea inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Tahap ini diukur menggunakan tiga faktor utama kompetensi pengurusan keusahawanan iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran membina rangkaian serta kecekapan kreativiti dan inovatif. Berdasarkan jadual 4.5, Hasil kajian menunjukkan kemahiran berkomunikasi memperoleh min tertinggi iaitu 4.437 ( $\sigma = 0.501$ ). Walau bagaimanapun, nilai purata terendah yang diperolehi oleh kemahiran membina rangkaian iaitu 4.388 ( $\sigma = 0.533$ ). Seterusnya, nilai purata bagi kecekapan kreativiti dan inovatif ialah 4.408 ( $\sigma = 0.517$ ) manakala niat inovatif memulakan perniagaan ialah 4.404 ( $\sigma = 0.528$ ).

Oleh itu, kemahiran berkomunikasi merupakan peranan penting kepada kompetensi pengurusan keusahawanan yang mencetuskan idea inovatif. Menurut Harian, (2016) kemahiran berkomunikasi ialah antara elemen utama dituntut dalam hampir kesemua jenis pekerjaan bagi mereka yang makan gaji mahupun bergelar bos perniagaan sendiri. Hal ini kerana, komunikasi digunakan untuk melancarkan proses perniagaan sama ada dengan pekerja ataupun pelanggan untuk meraih kepercayaan dan keyakinan mereka. Bukan itu sahaja, kemahiran berkomunikasi amatlah penting kepada seorang usahawan kerana ia akan mempengaruhi kepuasan pelanggan terhadap perniagaan. Akhirnya, bidang keusahawanan memerlukan individu yang mampu berkomunikasi dengan baik supaya dapat menonjolkan kewibawaan diri dan perniagaannya

### 5.1.2 Objektif Kajian 2

*“Untuk mengkaji tahap niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).”*

Dalam kajian ini, soal selidik digunakan untuk menentukan tahap niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Berdasarkan jadual 4.16, keputusan menunjukkan nilai purata bagi niat inovatif memulakan perniagaan ialah 4.404. Berdasarkan jadual 4.15, tahap niat inovatif memulakan perniagaan yang paling tinggi ialah kenyataan “saya berminat dengan permulaan yang inovatif” dengan nilai purata 4.483 ( $\sigma = 0.712$ ) di mana responden memberi respon bahawa mereka berminat dengan permulaan yang inovatif. Seterusnya, nilai purata yang paling rendah ialah 4.365 ( $\sigma = 0.737$ ) iaitu responden menyatakan mereka mempunyai niat permulaan dengan idea-idea inovatif.

Menurut Yusof *et al.*, (2021) pemikiran kreatif dan inovatif juga penting buat usahawan muda dan belia untuk berjaya dalam bidang perniagaan (IKS) di Malaysia. Hal ini kerana inovatif dapat membantu dalam kegiatan memasar dan mempromosikan produk perniagaan. Bukan itu sahaja, pemikiran inovatif dapat menambah baik produk sedia ada dalam perniagaan menjadi satu produk baru yang berinovasi. Akhirnya, perniagaan mempunyai ciri keistimewaan tersendiri berbanding dengan pesaing ataupun perniagaan lain.

### 5.1.3 Objektif Kajian 3

*“Untuk mengkaji hubungan antara kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia”*

Berdasarkan analisis korelasi Spearman's Rho yang dijalankan, hubungan antara kompetensi pengurusan keusahawanan dan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menunjukkan tahap yang sederhana dengan nilai pekali korelasi 0.470. Kajian ini mempunyai hubungan korelasi disebabkan nilai signifikannya ialah 0.00 bersamaan dengan nilai  $p < 0.01$ .

Menurut Zarefard (2018) kompetensi pengurusan keusahawanan terhadap niat inovatif mempunyai hubungan yang signifikan yang dipengaruhi oleh faktor kompetensi pengurusan keusahawanan itu sendiri iaitu kecekapan pentadbiran, pembinaan rangkaian, kreativiti dan inovasi. Pelajar universiti yang mempunyai niat untuk memulakan perniagaan yang inovatif perlu mempengaruhi faktor yang pelbagai yang mewakili kecekapan keusahawanan berbanding niat memulakan perniagaan sendiri. Akhirnya, faktor yang paling mempengaruhi dalam niat permulaan inovatif ialah kreativiti dan inovatif.

## 5.2 Limitasi Kajian

Limitasi kajian adalah kekangan kepada kajian berdasarkan metodologi dan reka bentuk penyelidikan. Limitasi kajian juga kekangan yang tidak boleh dikawal dalam kajian ini. Terdapat beberapa limitasi kajian yang dihadapi oleh pengkaji. Antaranya ialah dari segi kaedah pengumpulan data. Hal ini kerana, proses pengumpulan data pengkaji hanyalah menggunakan borang soal selidik melalui Google Form. Hal ini kerana, Google Form merupakan limitasi kajian kerana tidak semua responden sanggup mengorbankan masa dan mempunyai kemahiran untuk menjawab soal selidik akibat dari sikap malas membaca.

Selain itu, masa juga merupakan salah satu limitasi kajian. Hal ini disebabkan oleh pengkaji tidak mempunyai masa yang cukup dan agak sukar untuk mencari 375 orang responden dalam tempoh masa yang diberi. Bukan itu sahaja, pengkaji juga menghadapi kekangan masa disebabkan jadual harian yang padat sehingga menyebabkan pengkaji sukar untuk menyiapkan segala tugas pada waktu yang dirancang dan ditetapkan. Masa yang singkat juga menyukarkan pengkaji untuk menilai dalam jangka masa panjang menyebabkan kurangnya pemahaman mendalam mengenai impak atau trend terkini..

## 5.3 Cadangan Kajian Pada Masa hadapan

### 5.3.1 Cadangan Kepada Pelajar

Antara cadangan untuk pelajar yang ingin membuat kajian berdasarkan tajuk penyelidikan ini, pelajar boleh mengkaji kesan program latihan dan pembangunan terhadap peningkatan kompetensi keusahawanan dan bagaimana ia berkaitan dengan niat untuk memulakan perniagaan inovatif. Dengan kajian ini, pelajar akan dapat mendapat maklumat yang lebih mendalam berkaitan kompetensi pengurusan keusahawanan dan sekali gus boleh menambah baik hasil kajian akan datang. Hal ini kerana, topik ini merupakan kajian yang sangat relevan dan menarik bagi memahami latihan keusahawanan pada masa akan datang.

### 5.3.2 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang

Terdapat beberapa cadangan untuk kajian lanjut untuk ditambahbaik untuk kajian ini. Pengkaji masa depan boleh meluaskan lagi populasi dan pensampelan supaya mendapat nilai korelasi hubungan kompetensi pengurusan keusahawanan terhadap niat inovatif memulakan perniagaan yang lebih baik berbanding kajian ini. Sebagai contoh, kajian masa depan boleh merangkumi kepada semua pelajar di seluruh Malaysia. Seterusnya kajian depan boleh menambahkan lagi faktor kompetensi pengurusan keusahawanan lain seperti pengetahuan, teknologi, model perniagaan dan sebagainya. Akhir sekali, kajian akan datang boleh dikaji menggunakan kaedah kualitatif semasa proses pengumpulan data. Kaedah kualitatif akan membantu dalam memberi keputusan yang lebih tepat dan boleh dipercayai.

### 5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap dan hubungan kompetensi pengurusan keusahawanan dengan niat inovatif memulakan perniagaan dalam kalangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam proses pengumpulan data. Populasi kajian ini adalah seramai 15,000 orang pelajar kampus induk di UTHM. Borang soal selidik melalui Google Form telah diedarkan kepada 375 orang responden dan mencapai kadar pulangan tinjauan sebanyak 100% yang telah menjawab soal selidik kajian ini. Kajian ini telah berjaya mencapai objektif dan persoalan kajian dengan data yang diperoleh. Akhir sekali, keputusan yang diperoleh telah dianalisis dan dibincangkan dengan mendalam dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, pengkaji telah membuktikan bahawa terdapat hubungan korelasi antara kompetensi pengurusan keusahawanan dengan niat inovatif dalam kalangan pelajar UTHM. Oleh itu, cadangan untuk kajian akan datang adalah meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan data yang dikumpul.

### Pengiktirafan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk segala sokongan yang diberi.

### Konflik Kepentingan

Pengkaji mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan semasa proses penulisan kertas ini. Pengkaji mengesahkan bahawa penyelidikan dijalankan secara saksama dan tidak melibatkan sebarang kewangan, hubungan peribadi atau profesional yang boleh mempengaruhi isi kandungan dan penemuan yang dibentangkan dalam manuskrip ini.

### Sumbangan Penulis

*Penulis dan pengkaji mengesahkan tanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut: **konsep dan reka bentuk kajian:** N.A.A. dan A.Z.A.; **pengumpulan data:** N.A.A.; **analisis dan tafsiran keputusan:** N.A.A. dan **penyediaan manuskrip:** N.A.A. dan A.Z.A. Semua pengarang menyemak keputusan dan meluluskan versi akhir manuskrip.*

### Rujukan

- Alfonsius, G. (2020). What is Business? [https://www.academia.edu/44350474/What\\_is\\_Business](https://www.academia.edu/44350474/What_is_Business)Alvi, M. H. (2016). A Manual for Selecting Sampling Techniques in Research. <https://www.researchgate.net/publication/303941309>
- Aremu, D., & Ayanda, M. (2016). Nature Purpose and Scope of Business-Dr Aremu After Assessment. 1-17. [https://www.researchgate.net/profile/Mukaila-Aremu/publication/299483672\\_Nature\\_Scope\\_and\\_Purpose\\_of\\_Business/links/56fabdb08aef6d10d904de3/Nature-Scope-and-Purpose-of-Business](https://www.researchgate.net/profile/Mukaila-Aremu/publication/299483672_Nature_Scope_and_Purpose_of_Business/links/56fabdb08aef6d10d904de3/Nature-Scope-and-Purpose-of-Business)
- Barinua, V., John, N., & Ndukeuba, E. (2022). Entrepreneurial Creativity and Innovative Start-Up Intentions. *American Journal of Strategic Management Innovations*, 7(2), 1-10. [www.bwjjournal.org](http://www.bwjjournal.org)
- BERNAMA. (2021, September 27). RMK-12: Kerajaan Pupuk Minda Usahawan. *Harian Metro*, 1-3. <https://hmetro.com.my/bisnes/2021/09/759880/rmk-12-kerajaan-pupuk-minda-usahawan>
- Botha, M., Carruthers, T. J., & Venter, M. W. (2019). The relationship between entrepreneurial competencies and the recurring entrepreneurial intention and action of existing entrepreneurs. *The Southern African Journal of Entrepreneurship and Small Business Management*, 11(1). <https://doi.org/10.4102/sajesbm.v11i1.191>

- Chong, E. (2013). Managerial Competencies and Career Advancement: A Comparative Study of Managers in Two Countries. 345–353. <https://www-sciencedirect-com.ezproxy.uthm.edu.my/search?q=Managerial%20competencies%20and%20career%20advancement%3A%20A%20comparative%20study%20of%20managers%20in%20two%20countries>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). Kamus Pelajar Edisi Kedua (2nd ed.). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Harian, B. (2016, November 12). Kemahiran Komunikasi Tuntutan Utama Semua Jenis Pekerjaan. Berita
- Hassan, M. S. (2023, February 17). 90000 Bakal Menganggur. Harian Metro, 1–3.
- Hayes, A. (2022, July 7). What is Business? Understanding Different Types and Company Sizes. Investopedia. <https://www.investopedia.com/terms/b/business.asp>
- Jasmi, K. A. (2017). Niat (Ensiklopedia Pendidikan Islam). 87–88. [https://www.researchgate.net/publication/318041460\\_Niat\\_Ensiklopedia\\_Pendidikan\\_Islam](https://www.researchgate.net/publication/318041460_Niat_Ensiklopedia_Pendidikan_Islam)
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2000). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi 3). Kamus Dewan.
- Kementerian Dalam Negeri. (2023, May 10). Maklumat Inovasi. Kementerian Dalam Negeri. [moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-inovasi](https://moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-inovasi)
- Koe1, W. L., Krishnan1, R., & Utami2, S. (2018). The Influence of Entrepreneurial Skills on Business Start-Up Intention Among Bumiputra Students. 12(2), 53–64. <https://jamt.utem.edu.my/jamt/article/view/4868#:~:text=Based%20on%20the%20analysis%20performed,i%20innovative%20individuals%20in%20encouraging%20entrepreneurship>
- Kyndt, E., & Baert, H. (2015). Entrepreneurial competencies: Assessment and predictive value for entrepreneurship. *Journal of Vocational Behavior*, 90, 13–25. <https://doi.org/10.1016/j.jvb.2015.07.002>
- Liñán, F., & Chen, Y.-W. (2009). Development and cross-cultural application of a specific instrument to measure entrepreneurial intentions. <http://www.recerca.net/bitstream/2072/2213/1/UABDT06-7.pdf>
- Maiti, S. (2020, April 27). What is Management, Management Definition, The Concept of Management, Level of Managers. Education Leaves. <https://educationleaves.com/management-management-definition/>
- Maliki, S. A. (2016, May 20). Keusahawanan Atasi Pengangguran. Berita Harian, 1–2.
- Noor, M. M. H. (2022, July 22). Kadar Pengangguran Siwazah Turun 4.1 Peratus Tahun Lalu. Kosmo, 1–5.
- Roopa, S., & Rani, M. (2012). Questionnaire Designing for a Survey. *The Journal of Indian Orthodontic Society*, 46, 273–277. <https://doi.org/10.5005/jp-journals-10021-1104>
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research Methods for Business* (7th ed.). John Wiley & Sons Ltd. [https://www.academia.edu/38338906/B\\_Research\\_Methods\\_ForBus\\_A\\_Skill\\_Building\\_Approach\\_7e2016UmaSekaran\\_RogerBougie\\_Wiley](https://www.academia.edu/38338906/B_Research_Methods_ForBus_A_Skill_Building_Approach_7e2016UmaSekaran_RogerBougie_Wiley)
- Syuhada, S., Rahman, A., Firdaus, M., Sabri, M., Jabatan, S. N., Perniagaan, P., Pengurusan, F., & Muamalah, D. (2015). Kompetensi Keusahawanan Diri Dalam Kalangan Mahasiswa Yang Mengambil Kursus Keusahawanan Di Universiti. In *Management and Muamalah* (Issue 2). <http://conference.kuis.edu.my/icom/2nd/download/IC%20034.pdf>
- Thabityahya, H. A., & Abdelhayelsayed, K. (2012). The Influence of the Factors of Managerial Competencies among SMEs in Selangor, Malaysia A Preliminary Study of Human Resources. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 6(13), 123–134. [https://www.academia.edu/49065541/Influence\\_of\\_Managerial\\_Competencies\\_on\\_Small\\_and\\_Medium\\_Enterprise\\_Performance](https://www.academia.edu/49065541/Influence_of_Managerial_Competencies_on_Small_and_Medium_Enterprise_Performance)

Tinggi, J. P., Kementerian, J., Tinggi, P., & Keusahawanan Panduan, P. (n.d.). EIE.

Wathanakom, N., Khlaisang, J., & Songkram, N. (2020). The Study of The Causal Relationship Between Innovativeness and Entrepreneurial Intention Among Undergraduate Students. *Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 9(1), 1-13. <https://doi.org/10.1186/s13731-020-00125-5>

Yusof, Z. bin M. , M., binti Tahir Pusat Kajian Pembangunan, Z., & dan Persekitaran, S. (2021). Faktor Kejayaan Usahawan Muda dalam Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia Success Factors for Young Entrepreneurs in Small and Medium Industry (SME) Businesses in Malaysia (Vol. 5, Issue 1). <http://journalarticle.ukm.my/16364/1/357-Article%20Text-527-1-10-20210211.pdf>

Zarefard, M. (2017). Relationship Between Entrepreneurs' Managerial Competencies and Innovative Start-Up Intentions in University Students: An Iranian Case. In *International Journal of Entrepreneurship* (Vol. 21, Issue 3). [https://www.researchgate.net/publication/335201029\\_Relationship\\_Between\\_Entrepreneurs'\\_Managerial\\_Compencies\\_And\\_Innovative\\_Start-Up\\_Intentions\\_In\\_University\\_Students\\_An\\_Iranian\\_Case](https://www.researchgate.net/publication/335201029_Relationship_Between_Entrepreneurs'_Managerial_Compencies_And_Innovative_Start-Up_Intentions_In_University_Students_An_Iranian_Case)

Zarefard, M. (2018). Entrepreneurs' Managerial Competencies and Innovative Start-Up Intention in University Students: Focus on Mediating Factors. In *International Journal of Entrepreneurship* (Vol. 22, Issue 2). [https://www.researchgate.net/publication/335200902\\_Entrepreneurs'\\_Managerial\\_Compencies\\_and\\_Innovative\\_Start-Up\\_Intentions\\_In\\_University\\_Students\\_Focus\\_On\\_Mediating\\_Factor](https://www.researchgate.net/publication/335200902_Entrepreneurs'_Managerial_Compencies_and_Innovative_Start-Up_Intentions_In_University_Students_Focus_On_Mediating_Factor)